



14 Ogos 2020

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi FGV Plantation (M) Sdn Bhd – FGV Selancar 2B

FGV Plantation (M) Sdn Bhd – FGV Selancar 2B telah melantik Trans Certification International Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Rancangan FGV Plantation (M) Sdn Bhd – FGV Selancar 2B. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 3 rancangan yang diuruskan oleh FGV Plantation (M) Sdn Bhd – FGV Selancar 2B.

Trans Certification International Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi FGV Plantation (M) Sdn Bhd – FGV Selancar 2B pada **14 hingga 15 September 2020**. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholder'. Salinan Standard MSPO 2530-3-2013 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: central@jsm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Jumlah Peneroka	Rujukan GPS
FGVPM Selancar 06	FGVPM Ladang Selancar 06, Wakil Pos Perwira Jaya, 85070 Segamat, Johor	3549.64	-	2°41'38.00"N 102°56'56.00"E
FGVPM Selancar 08	FGVPM Ladang Selancar 08, Wakil Pos Perwira Jaya, 85070 Segamat, Johor	1680.89	-	2°36'50.00"N 103° 0'18.00"E
FGVPM Selancar 09	FGVPM Ladang Selancar 09, Wakil Pos Perwira Jaya, 85070 Segamat, Johor	2948.61	-	2°37'10.00"N 103° 1'16.00"E

Trans Certification International Sdn Bhd adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TCI adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TCI telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TCI telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web: <https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification International Sdn Bhd yang akan melaksanakan audit penilaian di FGV Plantation (M) Sdn Bhd – FGV Selancar 2B terdiri daripada:

- i) **Encik Mohamad Irwan bin Senin** sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran).
- ii) **Encik Abdul Hakim bin Mohamad** sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV).



Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 14 September 2020
Masa : 10:00 a.m. – 12:00 p.m.
Lokasi : FGVPM Ladang Selancar 06, Wakil Pos Perwira Jaya,
85070 Segamat, Johor

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk bertemu bersama Juruaudit semasa Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.



TRANS CERTIFICATION INTERNATIONAL SDN. BHD.
No. B52, TINGKAT 1, JALAN IM3/10, BANDAR INDERA MAHKOTA, 25200 KUANTAN, PAHANG
+609 5751333
info@transcert.com.my

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Penyelaras Skim

Norsyahidah Manaf
Trans Certification International Sdn Bhd.
No. B52, Tingkat 1,
Jalan IM3/10, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang
Tel: +609-5751333.
Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,

Norsyahidah Manaf

Penyelaras Skim

Trans Certification International Sdn Bhd